



20 MAR, 2023

Bukan kejayaan mudah

Utusan Malaysia, Malaysia



Page 1 of 2

Bukan kejayaan mudah

KUALA LUMPUR: Kapten Pasukan Hoki Terengganu (THT), Mohd Fitri Saari mengakui kejayaan meraih gelaran 'treble' dalam saingan Liga Hoki Malaysia (MHL) musim ini bukan satu pencapaian yang mudah.

Jelasnya, kunci kejayaan itu antaranya adalah sepanjang juang berpasukan tinggi yang ditunjukkan rakan sepasukan.

THT menutup tirai kempen dengan penuh bergaya apabila menewaskan Tenaga Nasional Berhad 2-1 dalam aksi final Piala TNB di Stadium Hoki Nasional Bukit Jalil, kelmarin sekali gus menyapu bersih semua trofi saingan musim ini selepas turut

muncul juara Piala Sumbangsih dan meraih gelaran liga.

"Kemenangan ini adalah satu sejarah buat Terengganu selepas 10 tahun ditubuhkan dan saya percaya ia hasil titik peluh pihak pengurusan serta Menteri Besar, Datuk Seri Dr Ahmad Samsuri Mokhtar yang sentiasa mempercayai kemampuan kami.

"Kita memang berjuang hingga ke titisan darah terakhir pada perlawanan ini. Apabila sudah mendahului, kita gunakan corak

bertahan hingga ke penghujung permainan," katanya.

Kemenangan ke atas TNB, menyaksikan pasukan dari Pantai Timur itu menjulang kejuaaan tersebut buat kali ketujuh selepas turut melukukannya pada edisi 2014, 2015, 2016, 2017, 2019 serta 2021.

Bagi saingan wanita, skuad hoki Negeri Sembilan (NSE) menjuarai Piala Vivian May Soars selepas menewaskan KPT-Uniten Thunder (KPT) menerusi penentuan pukulan penalti 3-2 selepas kedua-dua pasu-

kan terikat 1-1 pada masa penuh perlawanan.

Kejayaan itu, menyaksikan anak buah K. Rajan turut meraih gelaran 'treble' sulung selepas menjuarai Piala Sumbangsih dan Liga Hoki Wanita Malaysia musim ini.

"Saya gembira sebab kemenangan hari ini (kelmarin) sebenarnya melalui cara yang susah dan pujian harus diberikan kepada Mashitah (Ab Khalid) kerana daripada *shootout* dan perlawanan sebab dia berjaya buat *clear save*. Namun, semua pemain juga berjaya memainkan peranan mereka dengan baik,"ujarnya.

